

MALAYSIA

PERANGKAAN PERKHIDMATAN
SERVICES STATISTICS

BANCI EKONOMI 2011
PERKHIDMATAN PENGINAPAN
ECONOMIC CENSUS 2011
ACCOMMODATION SERVICES



JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA

PUTRAJAYA

KATA PENGANTAR

Laporan ini memuatkan perangkaan bagi perkhidmatan penginapan yang merangkumi hotel (termasuk hotel resort), hotel bajet, hotel apartmen, chalet, rumah rehat/rumah tetamu/hostel/ *bed & breakfast* dan tapak perkhemahan. Maklumat yang disediakan adalah berdasarkan Banci Ekonomi yang dijalankan pada tahun 2011 bagi tahun rujukan 2010.

Data yang berkaitan dengan nilai output kasar, input perantaraan, nilai ditambah, bilangan pekerja, gaji & upah dan nilai harta tetap diterbitkan dalam laporan ini. Data tersebut digunakan bagi tujuan membuat perancangan pembangunan dan penggubalan dasar serta bagi pengunjuran dan analisis ekonomi oleh kerajaan dan penyelidik.

Laporan ini mengandungi tiga bahagian. Penemuan daripada hasil bancian dibentangkan di bahagian pertama laporan ini. Aspek teknikal seperti objektif, skop dan liputan serta konsep dan definisi yang digunakan dalam banci ini dimuatkan di bahagian kedua laporan. Jadual-jadual perangkaan terperinci dipaparkan di bahagian ketiga bagi membolehkan pengguna membuat analisis.

Saya ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam menyumbang kepada laporan ini. Sebarang ulasan dan cadangan daripada para pengguna untuk menambahbaik laporan ini pada masa hadapan amatlah dihargai.

DR. HAJI ABDUL RAHMAN BIN HASAN

Ketua Perangkawan

Malaysia

Jun 2012

PREFACE

This report presents statistics on accommodation services which encompasses hotels (including resort hotels), budget hotels, apartment hotels, chalets, rest house/ guest house/ hostel/ bed & breakfast and camping grounds. The information provided here is gathered through the Economic Census conducted in 2011 for reference year 2010.

Data pertaining to value of gross output, intermediate input, value added, number of persons engaged, salaries & wages and value of fixed assets are published in this report. These data are used for planning and policy formulation as well as for economic projection and analysis by the government and researchers.

This report consists of three parts. Summary findings of the census is highlighted in the first part of the report. The second part focuses on the technical aspects including the objectives, scope and coverage as well as relevant concepts and definitions used in the census. Detailed statistical tables are included in the third part of the report to facilitate analysis by users.

I would like to express my appreciation to all parties concerned who have contributed towards this report. Comments and suggestions from users for improvement in future reports are greatly appreciated.

DR. HAJI ABDUL RAHMAN BIN HASAN

Chief Statistician

Malaysia

June 2012

KANDUNGAN
CONTENTS

	Muka Surat <i>Page</i>
Kata pengantar <i>Preface</i>	i
Ringkasan penemuan <i>Summary findings</i>	3
Nota teknikal <i>Technical notes</i>	21

Jadual
Table

SENARAI JADUAL
LIST OF TABLES

1. Perkhidmatan penginapan
Accommodation services

1.1 Perangkaan utama perkhidmatan penginapan, 2004-2010 <i>Principal statistics of accommodation services, 2004 - 2010</i>	39
1.2 Perangkaan utama perkhidmatan penginapan mengikut jenis perkhidmatan, 2010 <i>Principal statistics of accommodation services by type, 2010</i>	40
1.3 Perangkaan utama perkhidmatan penginapan mengikut negeri, 2010 <i>Principal statistics of accommodation services by state, 2010</i>	41
1.4 Perangkaan utama perkhidmatan penginapan mengikut taraf sah, 2010 <i>Principal statistics of accommodation services by legal organisation, 2010</i>	42
1.5 Perangkaan utama perkhidmatan penginapan mengikut hak milik, 2010 <i>Principal statistics of accommodation services by ownership, 2010</i>	43
1.6 Perangkaan utama perkhidmatan penginapan mengikut saiz output, 2010 <i>Principal statistics of accommodation services by output size, 2010</i>	44
1.7 Perangkaan utama perkhidmatan penginapan mengikut saiz pekerja, 2010 <i>Principal statistics of accommodation services by employment size, 2010</i>	45
1.8 Perangkaan utama perkhidmatan penginapan mengikut saiz harta tetap, 2010 <i>Principal statistics of accommodation services by fixed assets size, 2010</i>	46

	Muka Surat <i>Page</i>
1.9 Bilangan pekerja dan gaji & upah dalam perkhidmatan penginapan mengikut kategori pekerja, 2010 <i>Number of persons engaged and salaries & wages in accommodation services by category of workers, 2010</i>	47
1.10 Perbelanjaan modal dan nilai harta tetap dalam perkhidmatan penginapan, 2010 <i>Capital expenditure and value of fixed assets in accommodation services, 2010</i>	48
1.11 Perangkaan utama pertubuhan milikan wanita dalam perkhidmatan penginapan mengikut industri, 2010 <i>Principal statistics of women-owned establishments in accommodation services by industry, 2010</i>	49
1.12 Perangkaan utama pertubuhan milikan wanita dalam perkhidmatan penginapan mengikut negeri, 2010 <i>Principal statistics of women-owned establishments in accommodation services by state, 2010</i>	50
2 Hotel (termasuk hotel resort) dan hotel apartmen <i>Hotels (including resort hotels) and apartment hotels</i>	
2.1 Perangkaan utama hotel (termasuk hotel resort) dan hotel apartmen, 2010 <i>Principal statistics of hotels (including resort hotels) and apartment hotels by state, 2010</i>	53
2.2 Perangkaan utama hotel (termasuk hotel resort) dan hotel apartmen mengikut taraf sah, 2010 <i>Principal statistics of hotels (including resort hotels) and apartment hotels by legal organisation, 2010</i>	54
2.3 Perangkaan utama hotel (termasuk hotel resort) dan hotel apartmen mengikut hak milik, 2010 <i>Principal statistics of hotels (including resort hotels) and apartment hotels by ownership, 2010</i>	55
2.4 Perangkaan utama hotel (termasuk hotel resort) dan hotel apartmen mengikut saiz output, 2010 <i>Principal statistics of hotels (including resort hotels) and apartment hotels by output size, 2010</i>	56
2.5 Perangkaan utama hotel (termasuk hotel resort) dan hotel apartmen mengikut saiz pekerja, 2010 <i>Principal statistics of hotels (including resort hotels) and apartment hotels by employment size, 2010</i>	57


	Muka Surat <i>Page</i>
2.6 Perangkaan utama hotel (termasuk hotel resort) dan hotel apartmen mengikut saiz harta tetap, 2010 <i>Principal statistics of hotels (including resort hotels) and apartment hotels by fixed assets size, 2010</i>	58
2.7 Bilangan pekerja dan gaji & upah mengikut kategori pekerja di hotel (termasuk hotel resort) dan hotel apartmen, 2010 <i>Number of persons engaged and salaries & wages by category of workers in hotels (including resort hotels) and apartment hotels, 2010</i>	59
3 Hotel bajet <i>Budget hotels</i>	
3.1 Perangkaan utama hotel bajet mengikut negeri, 2010 <i>Principal statistics of budget hotels by state, 2010</i>	63
3.2 Perangkaan utama hotel bajet mengikut taraf sah, 2010 <i>Principal statistics of budget hotels by legal organisation, 2010</i>	64
3.3 Perangkaan utama hotel bajet mengikut hak milik, 2010 <i>Principal statistics of budget hotels by ownership, 2010</i>	65
3.4 Perangkaan utama hotel bajet mengikut saiz output, 2010 <i>Principal statistics of budget hotels by output size, 2010</i>	66
3.5 Perangkaan utama hotel bajet mengikut saiz pekerja, 2010 <i>Principal statistics of budget hotels by employment size, 2010</i>	67
3.6 Perangkaan utama hotel bajet mengikut saiz harta tetap, 2010 <i>Principal statistics of budget hotels by fixed assets size, 2010</i>	68
3.7 Bilangan pekerja dan gaji & upah mengikut kategori pekerja di hotel bajet, 2010 <i>Number of persons engaged and salaries & wages by category of workers in budget hotels, 2010</i>	69
4 Chalet <i>Chalets</i>	
4.1 Perangkaan utama chalet mengikut negeri, 2010 <i>Principal statistics of chalets by state, 2010</i>	73
4.2 Perangkaan utama chalet mengikut taraf sah, 2010 <i>Principal statistics of chalets by legal organisation, 2010</i>	74

	Muka Surat <i>Page</i>
4.3 Perangkaan utama chalet mengikut hak milik, 2010 <i>Principal statistics of chalets by ownership, 2010</i>	75
4.4 Perangkaan utama chalet mengikut saiz output, 2010 <i>Principal statistics of chalets by output size, 2010</i>	76
4.5 Perangkaan utama chalet mengikut saiz pekerja, 2010 <i>Principal statistics of chalets by employment size, 2010</i>	77
4.6 Perangkaan utama chalet mengikut saiz harta tetap, 2010 <i>Principal statistics of chalets by fixed assets size, 2010</i>	78
4.7 Bilangan pekerja dan gaji & upah mengikut kategori pekerja di chalet, 2010 <i>Number of persons engaged and salaries & wages by categories of workers in chalets, 2010</i>	79
5 Rumah rehat/ rumah tetamu/ hostel/ bed & breakfast/ tapak perkhemahan <i>Rest houses/ guest houses/ hostels/ bed & breakfast/ camping grounds</i>	
5.1 Perangkaan utama rumah rehat/ rumah tetamu/ hostel/ bed & breakfast/ tapak perkhemahan mengikut negeri, 2010 <i>Principal statistics of rest houses/ guest houses/ hostels/ bed & breakfast/ camping grounds by state, 2010</i>	83
5.2 Perangkaan utama rumah rehat/ rumah tetamu/ hostel/ bed & breakfast/ tapak perkhemahan mengikut taraf sah, 2010 <i>Principal statistics of rest houses/ guest houses/ hostels/ bed & breakfast/ camping grounds by legal organisation, 2010</i>	84
5.3 Perangkaan utama rumah rehat/ rumah tetamu/ hostel/ bed & breakfast/ tapak perkhemahan mengikut hak milik, 2010 <i>Principal statistics of rest houses/ guest houses/ hostels/ bed & breakfast/ camping grounds by ownership, 2010</i>	85
5.4 Perangkaan utama rumah rehat/ rumah tetamu/ hostel/ bed & breakfast/ tapak perkhemahan mengikut saiz output, 2010 <i>Principal statistics of rest houses/ guest houses/ hostels/ bed & breakfast/ camping grounds by output size, 2010</i>	86
5.5 Perangkaan utama rumah rehat/ rumah tetamu/ hostel/ bed & breakfast/ tapak perkhemahan mengikut saiz pekerja, 2010 <i>Principal statistics of rest houses/ guest houses/ hostels/ bed & breakfast/ camping grounds by employment size, 2010</i>	87

	Muka Surat <i>Page</i>
<p>5.6 Perangkaan utama rumah rehat/ rumah tetamu/ hostel/ <i>bed & breakfast</i>/ tapak perkhemahan mengikut saiz harta tetap, 2010 <i>Principal statistics of rest houses/ guest houses/ hostels/ bed & breakfast/ camping grounds by fixed assets size, 2010</i></p>	88
<p>5.7 Bilangan pekerja dan gaji & upah mengikut kategori pekerja di rumah rehat/ rumah tetamu/ hostel/ <i>bed & breakfast</i>/ tapak perkhemahan, 2010 <i>Number of persons engaged and salaries & wages by category of workers in rest houses/ guest houses/ hostels/ bed & breakfast/ camping grounds, 2010</i></p>	89
<p>Lampiran <i>Appendix</i></p>	
<p>Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia (MSIC) 2008 Ver. 1.0 <i>Malaysia Standard Industrial Classification (MSIC) 2008 Ver. 1.0</i></p>	93

RINGKASAN PENEMUAN

SUMMARY FINDINGS



RINGKASAN PENEMUAN

PERKHIDMATAN PENGINAPAN

PENUNJUK UTAMA			
	<u>2010</u>	<u>2009</u>	<u>Perubahan (%)</u>
Bilangan pertubuhan	3,129	2,362	32.5
Nilai output kasar (RM juta)	9,825	9,037	8.7
Nilai ditambah (RM juta)	5,556	5,065	9.7
Jumlah pekerja	110,535	104,645	5.6
Gaji & upah dibayar (RM juta)	1,934	1,793	7.8
Nilai harta tetap (RM juta)	21,918	22,108	(0.9)
Jumlah bilik	182,781	165,245	10.6

1. PENDAHULUAN


Laporan ini membentangkan perangkaan perkhidmatan penginapan bagi tahun rujukan 2010 yang diperoleh daripada Banci Ekonomi 2011. Perkhidmatan penginapan terdiri daripada lima segmen, iaitu hotel (termasuk hotel resort) & hotel apartmen, hotel bajet, chalet dan rumah rehat/ rumah tetamu/ hostel/ *bed & breakfast* dan tapak perkhemahan. Perbandingan penunjuk utama untuk banci tahun rujukan 2009 adalah seperti yang ditunjukkan di atas.

Penemuan ini menunjukkan bahawa jumlah pertubuhan penginapan telah meningkat kepada 3,129 pertubuhan berbanding 2,362 pertubuhan pada tahun 2009. Ini merupakan peningkatan sebanyak 32.5 peratus.


Carta 1.1 dan 1.2 menunjukkan kadar dan pecahan peratus bilangan pertubuhan mengikut segmen. Hotel bajet menunjukkan peningkatan yang tinggi daripada 1,330 pada tahun 2008 kepada 2,123 pada tahun 2010 disebabkan tambahan hotel baru. Manakala segmen chalet dan rumah rehat/ rumah tetamu/ hostel/ *bed & breakfast* dan tapak perkhemahan juga menunjukkan sedikit peningkatan dalam jangka masa yang sama daripada 209 pada tahun 2008 kepada 228 pada tahun 2010.

RINGKASAN PENEMUAN

Carta 1.1 : Perkhidmatan penginapan : Jumlah pertubuhan 2008 - 2010



Carta 1.2 : Perkhidmatan penginapan : Pecahan peratus bilangan pertubuhan mengikut segmen, 2010




2. PRESTASI PERKHIDMATAN PENGINAPAN

Carta 2.1 menunjukkan **nilai output kasar**, RM9.8 bilion yang dihasilkan pada tahun 2010, meningkat sebanyak 8.7 peratus berbanding 2009. Hotel (termasuk hotel resort) & hotel apartmen mencatatkan nilai output kasar tertinggi iaitu RM8.4 bilion atau 85.6 peratus, diikuti oleh hotel bajet, RM1.2 bilion atau 12.3 peratus, chalet RM168.8 juta atau 1.7 peratus dan rumah rehat/ rumah tetamu/ hostel/ *bed & breakfast* dan tapak perkhemahan, RM40.4 juta atau 0.4 peratus. **Nilai ditambah** iaitu output kasar tolak kos input yang dicatatkan adalah berjumlah RM5.6 bilion.

RINGKASAN PENEMUAN

Carta 2.1: Peratus taburan penunjuk utama mengikut segmen dalam perkhidmatan penginapan, 2010




Nilai harta tetap yang dimiliki pada tahun 2010 adalah berjumlah RM21.9 bilion turun sebanyak 0.9 peratus berbanding dengan RM22.1 bilion pada tahun 2009. Hotel (termasuk hotel resort) & hotel apartmen memiliki nilai harta tetap tertinggi bernilai RM19.8 bilion atau 90.4 peratus, diikuti oleh hotel bajet bernilai RM1.8 bilion atau 8.2 peratus. Nilai harta tetap yang dimiliki oleh kedua-dua segmen penginapan ini merangkumi 98.6 peratus daripada keseluruhan industri penginapan.

Bilangan pekerja yang terlibat adalah berjumlah 110,535 orang, meningkat sebanyak 5.8 peratus berbanding 2009. Industri penginapan melibatkan pekerja sepenuh masa seramai 102,901 orang atau 93.1 peratus dan 5,637 orang atau 5.1 peratus adalah pekerja sambilan. Di samping itu, terdapat juga 1,997 orang atau 1.8 peratus pemilik yang bekerja, rakan niaga yang aktif dan pekerja keluarga tidak bergaji yang terlibat dalam industri ini. Kategori pekerja teknikal dan penyeliaan mempunyai jumlah pekerja sepenuh masa tertinggi dengan menyumbang 47,616 orang atau 46.3 peratus (Carta 2.2).

RINGKASAN PENEMUAN

Carta 2.2: Jumlah pekerja mengikut kategori pekerja, 2010



Jumlah gaji & upah yang dibayar kepada pekerja adalah berjumlah RM1.9 bilion pada tahun 2010. Purata gaji tahunan bagi setiap pekerja adalah RM17,819, iaitu 4.0 peratus lebih tinggi berbanding 2009. Pekerja yang terlibat dalam hotel (termasuk hotel resort) & hotel apartmen menerima purata gaji & upah tahunan yang tertinggi dalam industri ini iaitu sebanyak RM19,566 (Jadual 2.1).


Jadual 2.1: Gaji & upah dan purata gaji tahunan mengikut segmen dalam perkhidmatan penginapan, 2010

Industri	Bilangan pekerja	(%)	Pekerja bergaji	(%)	Gaji & upah dibayar (RM juta)	(%)	Purata gaji setahun diterima setiap pekerja (RM)
Hotel (termasuk hotel resort) & hotel apartmen	81,794	74.0	81,763	75.3	1,600	82.7	19,566
Hotel bajet	24,211	21.9	22,740	21.0	23	14.7	12,486
Chalet	3,465	3.1	3,232	3.0	41	2.1	12,591
Rumah rehat/rumah tetamu/hostel/ <i>bed & breakfast</i> / tapak perkhemahan	1,065	1.0	803	0.7	10	0.5	11,980
Jumlah	110,535	100.0	108,538	100.0	1,934	100.0	17,819

Gaji & upah adalah perbelanjaan terbesar yang ditanggung oleh industri perkhidmatan penginapan. Ia menyumbang sebanyak 23.1 peratus daripada jumlah perbelanjaan mengurus bagi industri ini. Seterusnya, adalah susutnilai & bayaran sewa diikuti oleh kos bahan-bahan untuk penyajian makanan/ katering (11.6%), utiliti (9.2%) dan bayaran pembaikan dan penyelenggaraan yang dibuat oleh pihak lain (5.2%). Kelima-lima komponen ini membentuk 62.7 peratus daripada jumlah perbelanjaan dalam industri penginapan (Carta 2.3).

RINGKASAN PENEMUAN


Carta 2.3: Komponen utama perbelanjaan dalam perkhidmatan penginapan , 2010



3. PRESTASI MENGIKUT NEGERI

Bilangan tertinggi pertubuhan penginapan terdapat di Johor iaitu 365 pertubuhan atau 11.7 peratus. Ini diikuti oleh Sabah dan Sarawak dengan masing-masing mencatatkan sebanyak 348 pertubuhan atau 11.1 peratus dan 317 pertubuhan atau 10.1 peratus. Secara kumulatifnya, lima negeri ini telah menyumbang separuh daripada bilangan pertubuhan dalam subsektor ini. (Carta 3.1)

Carta 3.1: Peratus taburan bilangan pertubuhan mengikut negeri, 2010




*Nota: Merujuk kepada W.P. Putrajaya, W.P. Labuan dan Perlis

RINGKASAN PENEMUAN

Carta 3.2 di bawah membandingkan nilai output kasar dan nilai ditambah mengikut negeri. W.P. Kuala Lumpur mencatatkan peratusan nilai output kasar dan nilai ditambah tertinggi, diikuti oleh Pahang dan Selangor. Ketiga-tiga negeri utama merekodkan hampir 51.4 dan 52.4 peratus daripada jumlah keseluruhan output kasar dan nilai ditambah. Sementara negeri lain secara terkumpul menyumbang hanya 1.8 peratus daripada nilai output kasar dan nilai ditambah (Carta 3.2).

Carta 3.2 : Peratus taburan nilai output kasar dan nilai ditambah mengikut negeri, 2010



*Negeri lain merujuk kepada Kelantan, W.P. Labuan dan Perlis


4. BILANGAN BILIK

Maklumat banci mencatatkan terdapat 182,781 bilik pada 2010, meningkat 10.6 peratus berbanding 2009. Analisis menunjukkan bahawa pertumbuhan baru bagi tahun 2010 mempunyai purata 23 bilik dan ini sebahagian besarnya ialah hotel bajet.

Carta 4.1 menunjukkan taburan peratusan penginapan dan bilangan bilik mengikut negeri. WP Kuala Lumpur mencatatkan bilangan bilik tertinggi yang ditawarkan dengan jumlah 35,858 bilik, diikuti oleh Pahang dengan 21,145 bilik dan Johor, 17,252 bilik. Bagi Sabah dan Sarawak, jumlah bilik yang ditawarkan pada tahun 2010 adalah berjumlah 31,375 bilik.

RINGKASAN PENEMUAN

Carta 4.1: Peratus bilangan pertubuhan dan bilik mengikut negeri, 2010




*Nota: Negeri lain merujuk kepada W.P Putrajaya, W.P Labuan dan Perlis

5. PERTUBUHAN MILIKAN WANITA

Pertubuhan milikan wanita dalam industri penginapan hanya mencatatkan 438 pertubuhan atau 14.0 peratus berbanding 86.0 peratus milikan lelaki. Carta 5.1 menunjukkan pecahan pertubuhan milik wanita mengikut negeri. Johor mempunyai bilangan tertinggi pertubuhan milikan wanita dengan 13.2 peratus, diikuti oleh Kedah, 11.4 peratus dan Pahang 10.5 peratus. (Carta 5.1).

Carta 5.1: Peratus taburan pertubuhan milikan wanita mengikut negeri, 2010




*Nota: Negeri lain merujuk kepada W.P Labuan dan Perlis

RINGKASAN PENEMUAN

Berdasarkan hasil banci, kebanyakan pertubuhan milikan wanita didominasi oleh segmen hotel bajet dengan 63.9 peratus, diikuti oleh rumah rehat/ rumah tetamu/ hostel/ *bed & breakfast* dan tapak perkhemahan sebanyak 16.0 peratus. Seterusnya adalah chalet dengan 12.3 peratus manakala hotel (termasuk hotel resort) & hotel apartmen hanya merekodkan 7.8 peratus hakmilik wanita. (Carta 5.2).

Carta 5.2: Peratus taburan pertubuhan milikan wanita mengikut industri, 2010



SUMMARY FINDINGS**ACCOMMODATION SERVICES****KEY INDICATORS**

	<u>2010</u>	<u>2009</u>	<u>Change (%)</u>
Number of establishments	3,129	2,362	32.5
Value of gross output ((RM million)	9,825	9,037	8.7
Value added (RM million)	5,556	5,065	9.7
Total employment	110,535	104,645	5.6
Salaries & wages (RM million)	1,934	1,793	7.8
Value of fixed assets (RM million)	21,918	22,108	(0.9)
Number of rooms	182,781	165,245	10.6

1. INTRODUCTION

This report presents statistics on accommodation services for reference year 2010 compiled from the Economic Census 2011. Accommodation services are grouped into five segments, namely hotels (including resort hotels) & apartment hotels, budget hotels, chalets and rest houses/guest houses/ hostels/ bed & breakfast and camping grounds. Comparative key indicators for the census of reference year 2009 are shown above.

These findings indicate that the total number of accommodation establishments increased to 3,129 establishments from 2,362 establishments in 2009. This represents an increase of 32.5 per cent.

Charts 1.1 and 1.2 show the proportion and percentage distribution of number of establishments by segment. Budget hotels showed a substantial increase from 1,330 in 2008 to 2,123 in 2010, due to the addition of new hotels. The chalets and rest houses/guest houses/ hostels/ bed & breakfast and camping grounds segment also showed a slight increase over the same period from 209 in 2008 to 255 in 2010.

SUMMARY FINDINGS

Chart 1.1 : Accommodation services : Total number of establishments, 2008 - 2010





Chart 1.2 : Accommodation services : Percentage distribution of number of establishments by segment, 2010




2. PERFORMANCE OF ACCOMMODATION SERVICES

Chart 2.1 shows the **value of gross output** generated in 2010 was RM9.8 billion, an increase of 8.7 per cent as compared to 2009. Hotels (including resort hotels) & apartment hotels recorded the highest value of gross output with RM8.4 billion or 85.6 per cent, followed by budget hotels, RM1.2 billion or 12.3 per cent, chalets RM168.8 million or 1.7 per cent and rest houses/ guest houses/ hostels/ bed & breakfast and camping grounds, RM40.4 million or 0.4 per cent. **Value added** which is gross output minus cost of input was RM5.6 billion.

SUMMARY FINDINGS

Chart 2.1: Percentage distribution of key indicators by segment in accommodation services, 2010




Value of fixed assets owned in 2010 was RM21.9 billion, a marginal decline of 0.9 per cent as compared to RM22.1 billion in 2009. Hotels (including resort hotels) & apartment hotels owned the highest value of fixed assets worth RM19.8 billion or 90.4 per cent, followed by budget hotels RM1.8 billion or 8.2 per cent. The value of fixed assets owned by these two accommodation segments represented 98.6 per cent of the total fixed assets in the accommodation industry.

Total number of persons engaged was recorded at 110,535 persons, representing a growth of 5.8 per cent compared to 2009. The accommodation industry engaged 102,901 persons or 93.1 per cent of paid full-time employees while 5,637 persons or 5.1 per cent were paid part-time employees. In addition, there were 1,997 persons or 1.8 per cent categorised as working proprietors, active business partners and unpaid family workers engaged in this industry. Technical and supervisory employees constituted the highest number of paid full-time employees, 47,616 persons or 46.3 per cent (Chart 2.2).

SUMMARY FINDINGS

Chart 2.2: Total number of persons engaged by category of workers, 2010



Total salaries & wages paid to employees was RM1.9 billion in 2010. The average annual salary per employee was RM17,819, which was 4.0 per cent higher as compared to 2009. Employees engaged in hotels (including resort hotels) & apartment hotels received an average annual salary of RM19,566, the highest within the industry (Table 2.1).


Table 2.1: Salaries & wages and average salary by segment in accommodation services, 2010

Industry	Number of persons engaged	(%)	Paid employees		Salaries & wages paid (RM million)	(%)	Average annual salary per employee (RM)
			(%)	(%)			
Hotels (including resort hotels) & apartment hotels	81,794	74.0	81,763	75.3	1,600	82.7	19,566
Budget hotels	24,211	21.9	22,740	21.0	23	14.7	12,486
Chalets	3,465	3.1	3,232	3.0	41	2.1	12,591
Rest houses/guest houses/hostels/bed & breakfast/camping grounds	1,065	1.0	803	0.7	10	0.5	11,980
Total	110,535	100.0	108,538	100.0	1,934	100.0	17,819

Salaries & wages paid was the largest expense item accounting for 23.1 per cent of the total operating expenditure incurred by this industry. Depreciation & rental payments were the next largest business costs followed by purchase of goods for preparing meals/ catering (11.6 per cent), utilities (9.2 per cent) and payments for current repairs and maintenance work done by others (5.2 per cent). These five components constituted 62.7 per cent of the total expenditure in the accommodation industry (Chart 2.3).

SUMMARY FINDINGS


Chart 2.3: Main components of expenditure in accommodation services, 2010



3. PERFORMANCE BY STATE

The highest number of accommodation establishments was found in Johor with 365 establishments or 11.7 per cent. This was followed by Sabah and Sarawak which accounted for 348 establishments or 11.1 per cent and 317 establishments or 10.1 per cent respectively. Together with Pahang and W.P. Kuala Lumpur, these five states cumulatively accounted about half of the total establishments (Chart 3.1).

Chart 3.1: Percentage distribution of number of establishments by state, 2010




Number of establishments: 3,129

*Notation: Other states refer to W.P. Putrajaya, W.P. Labuan and Perlis

SUMMARY FINDINGS

Chart 3.2 below compares the percentage distribution of value of gross output and value added by state. W.P. Kuala Lumpur recorded the highest percentage value of gross output and value added, followed by Pahang and Selangor. These three main states constituted almost 51.4 and 52.4 per cent of gross output & value added. Meanwhile the category, other states accounted only 1.8 per cent to value of gross output and value added (Chart 3.2).

Chart 3.2: Percentage distribution of value of gross output and value added by state, 2010



*Notation: Other states refer to Kelantan, W.P. Labuan and Perlis

4. NUMBER OF ROOMS


The census data indicated that 182,781 rooms were available in 2010, implying a 10.6 per cent increase as compared to 2009 where 165,245 rooms were recorded. This analysis shows that new establishments in 2010 had an average of about 23 rooms and these were mainly the budget hotels.

Chart 4.1 shows the percentage distribution of number of establishments and number of rooms by state. W.P. Kuala Lumpur recorded the highest number of rooms available with 35,858 rooms, followed by Pahang with 21,145 rooms and Johor, 17,252 rooms. In Sabah and Sarawak, the total number of rooms available in 2010 was 31,375 rooms.

SUMMARY FINDINGS

Chart 4.1: Accommodation services : Number of establishments and rooms by state, 2010

Number of rooms




*Notation: Other states refer to W.P Putrajaya, W.P Labuan and Perlis

5. WOMEN - OWNED ESTABLISHMENTS

Women-owned establishments in the accommodation industry recorded only 438 establishments or 14.0 per cent compared to 86.0 per cent operated by men. Chart 5.1 shows the breakdown of women-owned establishments by state. Johor had the highest number of women-owned establishments with 13.2 per cent, followed by Kedah, 11.4 per cent and Pahang 10.5 per cent. (Chart 5.1).

Chart 5.1: Percentage distribution of woman-owned establishments by state, 2010




*Notation: Other states refer to W.P Labuan and Perlis

SUMMARY FINDINGS


From the census results, most of women-owned establishments were concentrated in budget hotels with 63.9 per cent, followed by rest houses/ guest houses/ hostels/ bed & breakfast and camping grounds, 16.0 per cent. Next was the chalets with 12.3 per cent and only 7.8 per cent of women-owned businesses operated in hotels (including resort hotels) & apartment hotels (Chart 5.2).

Chart 5.2: Percentage distribution of women-owned establishments by industry, 2010



NOTA TEKNIKAL

TECHNICAL NOTES



NOTA TEKNIKAL

Pendahuluan	Laporan ini memuatkan data perkhidmatan penginapan bagi tahun rujukan 2010. Data tersebut dikumpul dan disusun daripada Banci Ekonomi yang dilaksanakan pada tahun 2011.
Objektif	Objektif utama Banci ini adalah untuk mengumpul maklumat berkaitan pertumbuhan, struktur, profil dan perangkaan utama bagi subsektor ini untuk membantu kerajaan dalam perancangan pembangunan dan penggubalan dasar. Data yang diperolehi digunakan dalam penyusunan akaun negara, jadual input output, indeks perkhidmatan dan kajian tertentu. Maklumat tersebut juga digunakan oleh ahli ekonomi, ahli akademik dan pihak swasta serta individu bagi tujuan membuat unjuran dan analisis ekonomi.
Kuasa perundangan	Banci ini dilaksanakan di bawah Akta Perangkaan 1965 (Disemak 1989) . Seksyen 5 di bawah akta ini menghendaki mana-mana pertubuhan yang beroperasi di Malaysia untuk memberikan maklumat sebenar atau anggaran terbaik kepada Jabatan. Mengikut Akta ini, kandungan soal selidik adalah sulit dan hanya angka agregat diterbitkan.
Skop dan liputan	Banci ini meliputi pertubuhan berdaftar yang terlibat dalam aktiviti perkhidmatan penginapan yang merangkumi hotel (termasuk hotel resort) & hotel apartmen, hotel bajet, chalet, rumah rehat/ rumah tetamu/ hostel/ <i>bed & breakfast</i> , tapak perkhemahan, tanah kenderaan, taman treler dan jenis penginapan yang lain di seluruh Malaysia.
Konsep dan definisi	Definisi perkhidmatan penginapan yang diguna pakai dalam penerbitan ini berasaskan kepada Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia (MSIC) 2008 Ver. 1.0. Perkhidmatan penginapan Penginapan merujuk kepada penyediaan tempat penginapan jangka pendek berbayar, sama ada dibuka kepada orang awam atau terhad kepada ahli sebuah pertubuhan tertentu. Ianya tidak termasuk penyewaan tempat tinggal berperabot jangka panjang yang dikelaskan dalam Hartanah.

NOTA TEKNIKAL

(i) Hotel (termasuk hotel resort)

Hotel merupakan pertubuhan yang menyediakan penginapan jangka pendek terutamanya kepada pelancong. Hotel juga menyediakan kemudahan sampingan seperti restoran, kolam renang dll. Sesetengah hotel mempunyai kemudahan konferensi dan menggalakkan kumpulan kerja untuk mengadakan konvensyen dan bermesyuarat di lokasi mereka. Pengelasan hotel (termasuk resort) adalah berdasarkan penarafan 3 bintang dan ke atas mengikut sistem pengelasan dikeluarkan oleh Kementerian Pelancongan Malaysia.

(ii) Hotel bajet

Hotel bajet merujuk kepada penginapan yang mempunyai kemudahan yang terhad berbanding hotel. Kebiasaannya hotel bajet tidak mempunyai bankuet, dewan persidangan, kolam renang, gymnasium, sauna kemudahan permainan (*outdoor* dan *indoor*) dan sebagainya. Pengelasan hotel bajet adalah berdasarkan penarafan 2 bintang ke bawah atau mengikut pengelasan Orkid yang dikeluarkan oleh Kementerian Pelancongan Malaysia.

(iii) Hotel apartmen

Merupakan pangsapuri atau rumah eksklusif yang dilengkapi dengan perabot. Kebiasaannya hotel apartmen mempunyai lebih ruang, keselesaan dan privasi berbanding hotel.

(iv) Chalet

Chalet merujuk kepada konsep premis penginapan yang mana binaannya menggunakan kayu dan dibina secara berasingan. Kebiasaannya chalet dibina di kawasan pelancongan seperti di tepi pantai dan pergunungan.

(v) Rumah rehat/ rumah tetamu/ hostel/ bed & breakfast/ tapak perkhemahan, taman kenderaan dan taman treler

Rumah rehat/ rumah tetamu merujuk kepada rumah persendirian yang telah diubah secara **eksklusif** untuk tetamu menginap.

Hostel menyediakan penginapan jangka pendek kepada pelajar atau pengembara. Kemudahan yang disediakan adalah katil, bilik air dan ruang menunggu secara berkongsi. Bilik persendirian jarang disediakan. Bayaran sewa hostel biasanya lebih murah berbanding hotel.

NOTA TEKNIKAL

Bed & breakfast merupakan pertubuhan yang dijalankan oleh pemilik rumah atau kenalan ahli keluarga yang menetap di rumah tersebut. Tetamu akan menginap di bilik tidur (private) pada waktu malamnya dan akan disediakan sarapan di sebelah paginya.

Penyediaan penginapan di tapak perkhemahan, taman treler, kem rekreasi, kem memancing dan memburu untuk pelawat yang menginap untuk tempoh masa yang singkat serta penyediaan tapak dan kemudahan untuk kenderaan rekreasi.

Tahun Banci	Tahun banci merujuk kepada tahun pelaksanaan banci.
Tahun rujukan	Tahun rujukan bagi banci ini adalah tahun takwim 2010. Pertubuhan yang mempunyai tahun kewangan yang berbeza daripada tahun takwim diminta menyediakan laporan mengikut tahun perakaunan atau kewangan yang meliputi sebahagian besar daripada tahun rujukan.
Metodologi	Pengumpulan data meliputi pertubuhan yang menjalankan perkhidmatan penginapan di Malaysia. Banci ini dijalankan secara meluas dengan menggunakan borang soal selidik. Responden diberi tempoh satu bulan untuk melengkap dan mengembalikan borang soal selidik tersebut kepada Jabatan ini. Selepas tempoh tersebut, kerja luar dijalankan untuk mendapatkan borang lengkap daripada pertubuhan yang tidak memberi jawapan.
Unit melapor	<p>Banci ini dilaksanakan dengan menggunakan pendekatan pertubuhan. Pertubuhan ditakrifkan sebagai “satu unit ekonomi yang bergiat dalam satu aktiviti di bawah penguasaan tunggal yang sah dan beroperasi di satu lokasi fizikal”. Setiap pertubuhan diberikan klasifikasi industri yang berbeza berdasarkan aktiviti utamanya dan bukannya mengikut aktiviti syarikat induk. Bagi pertubuhan yang menjalankan pelbagai aktiviti, unit yang bergiat dalam aktiviti yang berasingan dalam satu lokasi yang sama terdiri daripada entiti pertubuhan yang berbeza. Oleh itu, setiap cawangan daripada organisasi yang mempunyai pelbagai cawangan di lokasi yang berbeza dari segi konsep dianggap sebagai pertubuhan yang berlainan. Pertubuhan berkenaan diminta memberikan penyata yang berasingan bagi setiap kegiatannya dari segi nilai.</p> <p>Walau bagaimanapun, sekiranya dari segi praktis akaun disediakan secara berpusat yang sukar untuk memperoleh data yang berasingan bagi setiap unit atau cawangan, entiti atau enterpris ini akan dianggap sebagai satu unit pelapor dan dibenarkan mengemukakan soal selidik yang menggabungkan semua unit atau cawangannya.</p>

NOTA TEKNIKAL

Jenis aktiviti perniagaan

Jenis aktiviti perniagaan merujuk kepada aktiviti utama dan sekunder. Aktiviti utama merujuk kepada aktiviti yang mana pertubuhan menumpukan sebahagian besar sumbernya atau yang memberikan sumbangan besar dari segi pendapatan. Klasifikasi industri pertubuhan dibuat berdasarkan aktiviti utama dan Piawaian Klasifikasi Industri Malaysia (MSIC) 2008 Ver.1.0. MSIC 2008 Ver. 1.0 yang diguna pakai adalah selaras dengan Piawaian Klasifikasi Industri Antarabangsa bagi Semua Aktiviti Ekonomi (ISIC), Semakan Ke-4, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu, dengan pengubahsuaian untuk keperluan tempatan.

Taraf sah

Taraf sah organisasi sesebuah pertubuhan ditakrifkan seperti berikut:

(i) Hak milik perseorangan

Ia merujuk kepada perniagaan yang dimiliki oleh orang perseorangan dan dijalankan semata-mata untuk mendapatkan keuntungan. Pemilik mempunyai hak mutlak untuk mengendalikan urusan pertubuhannya.

(ii) Perkongsian

Merujuk kepada sekumpulan individu yang telah bersetuju untuk mengikat kontrak dan menjalankan perniagaan dengan matlamat untuk mendapat keuntungan. Perniagaan tersebut diuruskan oleh semua atau salah seorang daripada mereka yang bertindak mewakili semua pihak. Perkongsian perniagaan ini hendaklah mengandungi sekurang-kurangnya dua orang ahli dan tidak melebihi had maksimum dua puluh orang.

(iii) Syarikat sendirian berhad

Merujuk kepada sebuah perbadanan swasta yang ditubuhkan untuk menjalankan perniagaan dengan tujuan untuk mencari keuntungan. Saham dipegang secara tertutup oleh pemegang-pemegang saham yang mempunyai kawalan terhadap operasi syarikat. Ia didaftarkan dengan tanggungan berhad. Sesebuah syarikat sendirian berhad mempunyai Memorandum dan Artikel Persatuan sendiri, yang antara lain:

- (a) Menghadkan hak untuk memindahkan sahamnya;
- (b) Menghadkan bilangan pemegang sahamnya di antara dua hingga lima puluh orang (tidak termasuk pekerja syarikat itu dan bekas pekerja yang masih menjadi ahli);
- (c) Melarang sebarang pelawaan kepada orang ramai untuk membeli apa-apa saham atau debentur syarikat itu; dan
- (d) Melarang sebarang pelawaan kepada orang ramai supaya menyimpan wang di syarikat itu bagi sesuatu tempoh yang ditetapkan ataupun untuk dibayar bila dituntut, sama ada dengan faedah atau tidak.

NOTA TEKNIKAL

(iv) Syarikat awam berhad

Syarikat awam berhad juga merupakan sebuah perbadanan swasta yang ditubuhkan, dengan tanggungan berhad, oleh sekurang-kurangnya dua orang untuk menjalankan perniagaan dengan tujuan mencari keuntungan. Saham syarikat awam berhad ini dipegang secara terbuka dan bagi sesebuah syarikat yang disenaraikan di Bursa Malaysia, sahamnya boleh bertukar milik secara bebas. Syarikat tersebut dianggap sebagai entiti yang sah dan ditubuhkan mengikut Memorandum dan Artikel Persatuan.

(v) Koperasi

Ia merujuk kepada sesebuah persatuan sukarela yang bilangan ahlinya tidak terhad dan didaftarkan di bawah Akta Koperasi, 1993. Kumpulan wang yang ada adalah milik bersama untuk memenuhi keperluan ahlinya.

(vi) Perbadanan awam

Ia merujuk kepada sebuah perbadanan yang ditubuhkan di bawah Akta Khas Parlimen atau Dewan Perundangan Negeri.

(vii) Pertubuhan persendirian tidak mencari keuntungan

Ia merujuk kepada syarikat tanpa saham yang ditubuhkan dengan tanggungan berhad. Kebanyakan syarikat ini terdiri daripada pertubuhan kebajikan, keagamaan, pendidikan, kesihatan, kebudayaan, rekreasi dan pertubuhan yang memberikan perkhidmatan sosial dan kemasyarakatan kepada isi rumah. Perkhidmatan diberikan secara percuma atau pada harga yang tidak melebihi kos perkhidmatan (subsidi). Sebarang keuntungan yang diperolehi dilabur semula ke dalam pertubuhan berkenaan.

(viii) Lain-lain

Ia merujuk kepada semua pertubuhan lain yang tidak termasuk di mana-mana kategori yang tersebut di atas.

Pertubuhan milikan wanita

Ia merujuk kepada pertubuhan yang memiliki sekurang-kurangnya 51 peratus pemilikan ekuiti yang dipegang oleh wanita ATAU pemegang saham terbesar adalah wanita dan pertubuhan diuruskan oleh wanita ATAU Pengarah Urusan atau Ketua Pengarah Eksekutif adalah wanita yang memiliki sekurang-kurangnya 10 peratus ekuiti.

NOTA TEKNIKAL

Struktur hak milik	<p>Struktur hak milik sesebuah pertubuhan dikelaskan mengikut taraf residen pemilik/pemilik-pemilik modal berbayar terbesar (melebihi 50%) dan bukannya mengikut taraf kewarganegaraan mereka. Dalam kes di mana setiap pihak (Residen Malaysia dan Bukan Residen Malaysia) memegang bilangan saham yang sama banyak dalam perniagaan berkenaan, maka pertubuhan tersebut telah dikelaskan di bawah 'Hak Milik Bersama'.</p> <p>Residen Malaysia ialah individu, enterpris atau organisasi lain yang lazimnya terletak di Malaysia untuk jangka masa sekurang-kurangnya satu tahun. Cawangan dan anak syarikat asing yang didaftarkan dan diperbadankan di Malaysia adalah dianggap sebagai bukan residen Malaysia.</p> <p>Bukan residen Malaysia ialah individu, enterpris atau organisasi lain yang lazimnya terletak di negara lain selain Malaysia. Cawangan dan anak syarikat milik residen Malaysia di luar negara dianggap sebagai residen Malaysia.</p>
Nilai harta tetap	<p>Harta merujuk kepada harta tetap. Ia meliputi semua barangan, baru atau terpakai, ketara atau tidak ketara yang mempunyai hayat produktif lebih daripada setahun. Ia termasuk tanah, bangunan dan struktur, alat pengangkutan, komputer dan peralatan periferal, perisian komputer, peralatan mesin dan lain-lain, serta perabot dan pemasangan lain. Nilai harta pembuka dan penutup bagi tahun rujukan 2010 adalah berasaskan nilai buku akaun. Pembelian, pindaan dan pembaikan besar atau perbelanjaan modal pada tahun berkenaan dikira pada nilai sebenar yang dibayar. Nilai aset yang dijual dalam tahun semasa juga dikira pada nilai sebenar.</p>
Perbelanjaan modal	<p>Merujuk kepada pembelian harta dan kos pindahan dan pembaikan besar kepada harta sepanjang tahun rujukan.</p>
Jumlah pekerja	<p>Jumlah pekerja meliputi orang yang diambil bekerja pada bulan Disember atau pada tempoh pembayaran gaji terakhir pada tahun rujukan. Bilangan orang yang bekerja dikategorikan seperti berikut:</p> <p>(i) Pemilik yang bekerja dan rakan niaga yang aktif</p> <p>Kategori ini merujuk kepada semua pemilik perseorangan dan rakan niaga sambilan atau sepenuh masa, yang bekerja dengan aktif dalam pertubuhan. Justeru itu, ia tidak termasuk rakan niaga yang tidak aktif.</p> <p>(ii) Pekerja keluarga tidak bergaji</p> <p>Kategori ini meliputi semua ahli isi rumah pemilik pertubuhan yang melaksanakan kerja tertentu (sepenuh masa atau sambilan) dan bekerja sekurang-kurangnya satu pertiga daripada waktu bekerja biasa yang diamalkan oleh pertubuhan berkenaan tanpa mendapat bayaran secara 'regular' sama ada dalam bentuk wang tunai atau mata benda bagi kerja yang dilakukan.</p>

NOTA TEKNIKAL

Biasanya pekerja berkenaan mendapat makanan, tempat tinggal dan bantuan lain sebagai sebahagian daripada ahli isi rumah pemilik dan terus mendapatnya sama ada ia bekerja atau tidak di dalam pertubuhan itu.

(iii) Pekerja sepenuh masa

Ia merujuk kepada semua pekerja bergaji yang bekerja sekurang- kurangnya 6 jam sehari dan 20 hari sebulan.

(iv) Pekerja sambilan

Ia merujuk kepada semua pekerja bergaji yang bekerja kurang daripada 6 jam sehari dan / atau kurang daripada 20 hari sebulan.

Gaji dan upah dibayar Gaji & upah yang dibayar merujuk kepada pembayaran tunai, termasuk yang dibayar bonus, komisen, bayaran lebih masa, elaun kos sara hidup dan elaun-elaun lain yang dibayar kepada semua pekerja bergaji dalam tempoh tahun rujukan. Sementara caruman pekerja kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) turut dimasukkan, manakala caruman oleh majikan **dikecualikan**. **Elaun** kepada pemilik yang bekerja, rakan niaga yang bekerja dan pekerja keluarga tidak bergaji juga **dikecualikan**.

Nilai output kasar Nilai output kasar ditakrifkan dengan memasukkan perkara berikut:

- Pendapatan daripada perkhidmatan yang diberikan
- + Nilai jualan (daripada barang/ bahan yang dibeli untuk dijual semula tanpa melalui proses selanjutnya)
- Kos barang yang dijual (barang/ bahan yang dibeli untuk dijual semula tanpa melalui proses selanjutnya)
- + Pendapatan daripada penginapan, jualan makanan dan minuman (termasuk catering), perkhidmatan telekomunikasi, pusat kesihatan/ spa, perkhidmatan padang golf, aktiviti rekreasi dan tempat persidangan (pameran, mesyuarat, konferens dan konvensyen)
- + Pendapatan dari perkhidmatan pengurusan
- + Pendapatan daripada sewa
- + Perbelanjaan modal ke atas binaan sendiri
- Stok awal barangan
- + Stok akhir barangan
- + Cukai perkhidmatan/ bayaran perkhidmatan yang diterima
